



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

22 April 2022

#### IFTAR KUMPULAN YAYASAN SABAH DI MASJID RIYADHUS SOLIHIN KENINGAU

**KENINGAU (Jumaat):** Kumpulan Yayasan Sabah telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat bertempat di Masjid Riyadhus Solihin, Kg. Merampong, Keningau pada 21 April 2022. Turut hadir ke majlis tersebut, Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan, Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah merangkap Ahli Parlimen P.180 Keningau merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.39 Tambunan, Datuk Robert Tawik @ Nordin, Pembantu Menteri Kerja Raya Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.40 Bingkor, Encik Walter Kenson, Pegawai Daerah Keningau, dan Encik Zulkhairi Hj. Ismail, Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia & Perkhidmatan Korporat (YS|ICSB) Kumpulan Yayasan Sabah.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah menzahirkan penghargaan beliau kepada Kumpulan Yayasan Sabah kerana memilih Masjid Riyadhus Solihin Kg. Merampong sebagai tapak penganjuran program tersebut.

"Hampir setiap tahun Kumpulan Yayasan Sabah melaksanakan program berbuka puasa seperti ini dengan hasrat mengeratkan hubungan silaturahim di antara komuniti setempat dan agensi kerajaan. Acara seperti ini memang baik untuk kita semua. Saya memuji keprihatinan dan kesungguhan Kumpulan Yayasan Sabah menyantuni segenap lapisan masyarakat di Sabah dan ini sememangnya peranan dan identiti Kumpulan Yayasan Sabah," tambah beliau.

Majlis tersebut turut menyaksikan Kumpulan Yayasan Sabah memberikan sumbangan wang kepada 30 orang golongan Asnaf Kg. Merampong serta dana pembangunan Masjid Riyadhus Solihin.

Majlis yang dihadiri sekitar 200 orang penduduk Kg. Merampong tersebut dimulakan dengan sesi berbuka puasa sebelum menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih.

Program Berbuka Puasa merupakan acara tetap dalam kalendar tahunan Kumpulan Yayasan Sabah dalam mengutamakan kebajikan golongan yang kurang bernasib baik, menyediakan bahan makanan dan minuman kepada golongan yang memerlukan di samping memupuk semangat persaudaraan dan persahabatan antara Kumpulan Yayasan Sabah dan masyarakat setempat.



**Gambar 1:** Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan wang Kumpulan Yayasan Sabah kepada Pengerusi Masjid Riyadhus Solihin, Ustaz Esibi Lakui @ Halim sambil disaksikan oleh Encik Zulkhairi (lima dari kanan), Datuk Robert (tiga dari kanan) dan Encik Walter (dua dari kanan).



**Gambar 2:** Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey (empat dari kanan) mengagihkan sumbangan wang Kumpulan Yayasan Sabah kepada Puan Siti Marjisah binti Basir, salah seorang golongan Asnaf sambil disaksikan oleh Encik Zulkhairi (lima dari kanan), Datuk Robert (tiga dari kanan) dan Encik Walter (dua dari kanan).

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel. : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com